

Penyamun Indon tumpas

Polis tahan tujuh lelaki disyaki aktif lakukan jenayah di Johor

Oleh Mohd Zin Ali
mdzin@nstp.com.my

JOHOR BAHRU: Satu kumpulan samun mem-babitkan tujuh lelaki warga Indonesia yang dipercayai bergiat aktif dalam kegiatan jenayah sejak setahun lalu di sekitar negeri ini dan Pahang, tumpas dalam satu serbuan di sebuah rumah di Taman Puteri Wangsa, di sini, kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira jam 7.30 pagi itu, semua lelaki berusia antara 24 tahun dan 35 tahun yang tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan sah itu ditahan bersama pelbagai barangan disyaki disamun dengan nilai dianggarkan RM20,000.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata kumpulan yang aktif sejak setahun lalu di negeri ini dan Pahang melakukan samun pecah rumah di kawasan taman perumahan dan kampung dengan menggunakan parang sebelum menggeledah rumah untuk mendapatkan barangan berharga.

Beliau berkata, bertindak atas maklumat kes samun di sekitar bandar raya ini, sepasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Seri Alam dan Johor Bahru Selatan melakukan serbuan ke rumah terbabit.

Serbuan itu, katanya, menyebabkan penghuni rumah terbabit bertindak agresif dan cuba melawan untuk meloloskan diri daripada ditang-



MOKHTAR bersama pegawainya menunjukkan barang curi yang ditemui semula selepas polis Johor berjaya menumpaskan kumpulan samun sekitar Johor Bahru, semalam.

kap sehingga berlaku pergelutan antara polis dengan semua penghuni rumah itu.

"Semua tujuh lelaki yang dipercayai masuk ke negara ini secara haram itu ditahan bersama pelbagai barangan bernilai kira-kira RM20,000 seperti enam telefon bimbit, dua pemain cakera video digital (DVD), televisyen dan barangan kemas.

"Kami turut merampas alat pecah rumah, dua bilah parang dan sebuah kereta Proton Wira," katanya di sini, semalam.

Mokhtar berkata, dengan tangkapan itu, pihaknya percaya dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya sembilan kes samun di sekitar bandar raya ini dan siasatan lanjut diteruskan bagi mengenal-

pasti pembabitkan kumpulan itu di tempat lain khususnya di negeri ini dan Pahang.

Beliau berkata, semua suspek kini ditahan reman selama 14 hari berakhir 4 Mei ini untuk siasatan mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan kerana melakukan samun berkawan menggunakan senjata, sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 30 tahun dan sebatan.

Sementara itu, Mokhtar berkata, pihaknya turut menahan seorang lelaki berusia 20-tahun yang dipercayai anggota kumpulan samun bersenjatakan parang yang bergiat aktif di kawasan di Taman Sentosa, di sini, dalam satu rondaan cegah jenayah di kawasan Bakar Batu, di sini, kelmarin.

Berikutan penahanan itu, katanya, polis turut menemui sebilah parang panjang serta merampas lima motosikal iaitu dua Yamaha 125Z, sebuah Yamaha RXZ, sebuah Yamaha 135LC dan sebuah Honda EX5.

"Semakan lanjut mendapati motosikal Honda EX5 itu menggunakan nombor pendaftaran palsu serta semakan melalui enjin dan casis mendapati ia dilaporkan hilang di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 28 Februari 2007," katanya.

Mokhtar berkata, lelaki terbabit kini ditahan reman selama tujuh hari sehingga Isnin ini dan polis sedang mengesan empat lelaki lagi yang masih bebas dengan percaya akan dapat menahan mereka tidak lama lagi.